

## JAWATAN: PEGAWAI PSIKOLOGI GRED S41

**Kumpulan** : **Pengurusan & Profesional**

**Jadual Gaji** : **RM2,281.86 – RM9,544.00**

**Taraf Jawatan** : **Tetap**

### SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - a) i) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,281.86); atau  
ii) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains tingkahlaku berserta Diploma Psikologi Kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,281.86); atau  
iii) Ijazah sarjana dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,690.70); atau  
iv) Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan: RM2,997.32)
  - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Psikologi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - a) i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau  
ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - b) had umur pelantikan:
    - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - iii) Berumur dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

## **SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI**

- 3) Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.
- 4) Calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang berikut akan diberi keutamaan:
  - a) Psikologi klinikal

## **RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab merancang, melaksana dan menyelaras aktiviti berkaitan bidang psikologi/psikologi klinikal/kaunseling kepada pesakit dan staf.